

MAHATHIR KESAL TINDAKAN TUNJUK PERASAAN PELAJAR^P

JOHOR BAHRU, 10/1/1974
— Menteri Pelajaran,
Dr. Mahathir Mohamed,
kesal terdapat setengah
penuntut mengambil tin-
dakan mengadakan tun-
juk perasaan kerana is-
sue yang tidak musta-
hak.

Berucap kepada pe-
lar-pelajar Sekolah Tun
Fatimah di sini hari ini
Menteri itu berkata:
"Tindakan itu akan me-
rugikan mereka serta
menghalang mereka un-
tuk maju."

Katanya, segala masa-
alah boleh diselesaikan
melalui saluran tertentu
bukan dengan cara
mengadakan tunjuk pe-
rasaan atau mogok.

Menurutnya, setiap pe-
lajar mesti menunjukkan
sikap tanggungjawab
mereka untuk mendapat-
kan ilmu bagi masa de-
pan.

Menteri itu kemudian
melawat Jabatan Pela-
jaran dan diberikan tak-
limat oleh Pengarahnya,
Encik Ahmad Haji Saleh.

Maju

Dalam ucapannya be-
liau menggesa sekolah-
sekolah maju yang leng-
kap dengan segala ke-
mudahahan menjadikan se-
kolah-sekolah yang ku-
rang maju sebagai anak
angkat.

Katanya, dengan cara
itu sekolah-sekolah yang
kurang maju dapat me-
neikmati kemudahan di
sekolah-sekolah maju
bagi meninggikan mutu
pelajaran mereka.

Menteri Pelajaran ju-
ga mensifatkan kemu-
dahan yang terdapat di
sekolah-sekolah kejuru-
teraan di negara ini lebih
bermutu dengan setengah
negara Asia.

Kerana itu pelajar-pe-
lajar sekolah vokesyenal
patut menumpukan pe-
lajaran mereka dengan
sungguh-sungguh untuk
faedah mereka masa de-
pan, tambahnya.